



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2001

PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERUBATAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menerangkan tatacara pelaksanaan bagi kemudahan perubatan yang tidak diperolehi di hospital/klinik Kerajaan dan membenarkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan serta membuat bayaran bagi perbelanjaan perubatan berkenaan.

LATAR BELAKANG

2. Anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta keluarga mereka adalah layak mendapat kemudahan perubatan percuma di hospital/klinik Kerajaan mengikut Perintah Am Bab 'F'. Sejak 1 Januari 1992, kemudahan rawatan perubatan untuk ibu bapa yang sah telah diberi kepada anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993.

3. Walau bagaimanapun terdapat keadaan di mana hospital/klinik Kerajaan tidak dapat membekal atau menyediakan beberapa kemudahan perubatan dengan sepenuhnya. Untuk mengatasinya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah meluluskan permohonan perbelanjaan bagi kemudahan tersebut dan pembayaran dibuat oleh Jabatan yang berkenaan. Namun pelaksanaan kemudahan ini di samping beberapa kemudahan perubatan lain tidak disertakan dengan tatacara pelaksanaan yang terperinci.

4. Untuk mempertingkatkan lagi keberkesanan jentera pentadbiran di samping menjaga kebajikan anggota, pesara dan keluarga serta ibu bapa anggota Perkhidmatan Awam, Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan kemudahan perubatan mengikut tatacara yang ditetapkan dalam Pekeliling ini.

PELAKSANAAN

5. Mereka yang layak mendapat kemudahan perubatan ialah-

- (i) anggota dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen mengikut Perintah Am 1(vi) Bab F;
- (ii) keluarga anggota dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen mengikut Perintah Am 1(iii) Bab F; dan
- (iii) ibu bapa yang sah bagi anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993, terhad kepada kemudahan perubatan tertentu.

6. Permohonan perbelanjaan bagi ubat, alat ortopedik dan anggota palsu (*artificial limbs*), perkhidmatan perubatan dan rawatan penyakit buah pinggang [Hemodialisis/*Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)*] dilaksanakan mengikut tatacara berikut -

- (i) mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan; dan
- (ii) kemudahan yang diperlukan tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan; dan

- (iii) perakuan keperluan dan pengesahan oleh pegawai perubatan Kerajaan mengenai (ii) di atas hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (PPK) seperti di lampiran; **dan**
- (iv) permohonan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (AM) seperti di lampiran; **dan**
- (v) permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan.

7. Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kemandulan di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dilaksanakan mengikut tatacara berikut -

- (i) mendapat rawatan di klinik LPPKN; **dan**
- (ii) rawatan *primary infertility* sahaja; **dan**
- (iii) pengesahan oleh pakar perubatan LPPKN mengenai (ii) di atas; **dan**
- (iv) permohonan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (AM) seperti di lampiran; **dan**
- (v) permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan.

8. Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kecemasan di hospital/klinik swasta dilaksanakan mengikut tatacara berikut:-

- (i) mendapat rawatan di hospital/klinik swasta berdekatan dengan tempat kejadian kecemasan kerana tiada hospital Kerajaan yang berhampiran; **dan**
- (ii) keperluan rawatan serta-merta yang tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit (*life-threatening*); **dan**
- (iii) pesakit dalam keadaan kritikal/tenat semasa dibawa ke hospital/klinik swasta; **dan**
- (iv) pengesahan kecemasan oleh Pakar Perubatan hospital/klinik swasta berkenaan mengenai (ii) di atas; **dan**

- (v) permohonan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RCS) seperti di lampiran; **dan**
- (vi) permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan.

9. Permohonan perbelanjaan bagi rawatan kepakaran di hospital swasta dilaksanakan mengikut tatacara berikut -

- (i) mendapat rawatan di hospital Kerajaan; **dan**
- (ii) rawatan kepakaran berkenaan tidak diperolehi di hospital Kerajaan; **dan**
- (iii) pengesahan Pakar Perubatan hospital Kerajaan bahawa rawatan kepakaran diperlukan dan boleh diperolehi di dalam negeri; **dan**
- (iv) perakuan Ketua Pengarah Kesihatan mengenai (ii) di atas; **dan**
- (v) permohonan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RPS) seperti di lampiran; **dan**
- (vi) permohonan diluluskan oleh JPA, Bahagian Saraan.

10. Permohonan perbelanjaan bagi rawatan di luar negeri dilaksanakan mengikut tatacara berikut -

- (i) mendapat rawatan di hospital Kerajaan; **dan**
- (ii) rawatan khas diperlukan dan tidak diperolehi di dalam negeri; **dan**
- (iii) pengesahan Lembaga Perubatan mengenai (ii) di atas; **dan**
- (iv) perakuan Ketua Pengarah Kesihatan bahawa rawatan sedemikian tiada pada Kerajaan; **dan**
- (v) permohonan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RLN) seperti di lampiran; **dan**
- (vi) permohonan diluluskan oleh Jemaah Pegawai Bagi Rawatan di Luar Negeri.

11. Kemudahan rawatan percuma di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB) boleh diperolehi mengikut tatacara berikut:-

- (i) mendapat rawatan di hospital Kerajaan; **dan**
- (ii) dirujuk oleh Pakar Perubatan hospital Kerajaan ke IJNSB; **dan**
- (iii) mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan dalam “Panduan Mengenai Kemudahan Di IJNSB Bagi Pelbagai Golongan Pesakit Di Bawah Tanggungan Kerajaan Persekutuan – Kemudahan Perubatan Bagi Pegawai Kerajaan” mengikut surat Kementerian Kesihatan Malaysia rujukan (68) dlm.KKM.203/30 Bhg.5 bertarikh 16 September 1997.

12. Untuk memudahkan pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini, satu panduan pelaksanaan disediakan seperti di lampiran.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

13. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab melaksanakan peraturan sepertimana diperuntukkan dalam Pekeliling ini dan hendaklah meluluskan permohonan perbelanjaan di mana berkaitan serta membuat bayaran bagi perbelanjaan perubatan yang terlibat.

14. Bagi maksud Pekeliling ini, Ketua Jabatan untuk pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen ialah Pengarah Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.


TARIKH KUATKUASA

15. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2001.

PEMAKAIAN

16. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Ketua Jabatan pihak berkuasa berkenaan hendaklah melulus serta membuat bayaran perbelanjaan perubatan kepada anggota dan pesara masing-masing.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "


(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

28 SEPTEMBER 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

BORANG PERMOHONAN PERBELANJAAN UBAT, ALAT, PERKHIDMATAN DAN RAWATAN *
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001]

1. Butir Diri Anggota / Pesara / Pesakit

Nama Penuh Anggota /Pesara

No. Kad Pengenalan Anggota/Pesara

Baru Lama

Nama Penuh Pesakit (Jika bukan Anggota/Pesara)

No. Kad Pengenalan Pesakit

Baru Lama

Hubungan Pesakit Dengan Anggota/Pesara

Suami Isteri Anak

Jika anak, nyatakan-

a) Umur Tahun Bulan

b) Sama ada-

Masih bersekolah Tidak bersekolah Daif

Ibu Bapa

Jika ibu bapa anggota, nyatakan-

a) Taraf ibu bapa yang sah
Kandung Tiri Angkat

b) Sama ada Anggota-

Memilih SSB Tidak memilih SSB

2. Butir Rawatan dan Keperluan Perbelanjaan

Nama hospital/klinik Kerajaan tempat mendapat rawatan

Tarikh Mendapat Rawatan

Butir Perbelanjaan Perubatan (gunakan lampiran jika perlu)

Bil.	Nama Ubat <input type="checkbox"/> / Alat <input type="checkbox"/> / Perkhidmatan <input type="checkbox"/> / Rawatan <input type="checkbox"/>	No.Resit / Inbois/ Sebutharga	(RM)
Jumlah			

3. Dokumen Sokongan

Dokumen berikut disertakan

Borang SARAUBAT JPA (PPK)

Surat Pengesahan Pakar Perubatan LPPKN

Lain-lain dokumen (jika perlu)

Bukti bayaran (resit dsb)

Surat Sebutharga

Salinan Kad Pesara

4. Pengesahan Anggota / Pesara

Saya mengesahkan bahawa butir permohonan di 1, 2 dan 3 adalah benar. Saya memohon perbelanjaan perubatan sebanyak

RM untuk rawatan di atas.

Tarikh

Nama penuh

Tandatangan

5. Pengesahan dan Keputusan Ketua Jabatan

Saya mengesahkan permohonan di atas adalah memenuhi syarat dan kelayakan mengikut Perintah Am Bab F atau Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 / 2001. Permohonan sebanyak adalah dilulus / tidak dilulus

Tarikh

Nama penuh

Tandatangan dan cop jabatan

Nota: * Lihat panduan am di muka sebelah

(Tandakan ✓ di mana berkaitan)

PANDUAN AM BORANG SARAUBAT JPA (AM)

1. KEGUNAAN BORANG

Borang ini adalah untuk kegunaan anggota/pesara bagi tujuan permohonan perbelanjaan perubatan (ubat, alat ortopedik dan anggota palsu, perkhidmatan perubatan (*MRI/CT Scan*), rawatan penyakit buah pinggang (*Hemodialisis/CAPD*) dan rawatan kemandulan di Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (*LPPKN*)} yang tidak dapat dibekal atau disediakan oleh klinik/hospital Kerajaan termasuk hospital-hospital universiti

2. PEMOHON YANG LAYAK

- 2.1 Anggota/Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen,
- 2.2 Keluarga Anggota/Pesara-
 - i) Suami/isteri
 - ii) Anak-anak -
 - a) di bawah 18 tahun jika ditanggung sepenuhnya;
 - b) di bawah 21 tahun jika masih belajar;
 - c) tiada had umur bagi anak yang daif
- 2.3 Ibu bapa yang sah kepada anggota yang memilih Sistem Saraan Baru (*SSB*) dan masih berkhidmat. (Terhad kepada kemudahan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993 sahaja)

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan; **dan**
- 3.2 Kemudahan yang diperlukan tidak dapat dibekal atau disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan; **dan**
- 3.3 Pegawai perubatan Kerajaan memperakukan keperluan kemudahan dan mengesahkan kemudahan tidak dapat disedia atau dibekal oleh hospital/klinik atas sebab-sebab tertentu; **atau**
- 3.4 Bagi perbelanjaan rawatan kemandulan di *LPPKN*, Pakar Perubatan *LPPKN* memperakukan keperluan kemudahan dan mengesahkan rawatan '*primary infertility*'
- 3.5 Permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan;
- 3.6 Pertimbangan perbelanjaan perubatan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001

4. CARA MEMOHON:

- 4.1 Permohonan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (AM) dan dikemukakan berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap kepada Ketua Jabatan masing-masing.
- 4.2 Permohonan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (AM) dan dikemukakan berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen).

BORANG PERAKUAN DAN PENGESAHAN OLEH PEGAWAI PERUBATAN KERAJAAN *
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001]

1. Nama Pesakit

2. No. Kad Pengenalan

3. Ubat /alat /perkhidmatan / rawatan di butiran 4 dan / atau 5 di bawah, diperlukan oleh pesakit tetapi tidak dapat dibekalkan/ disediakan oleh hospital atas sebab berikut-

Kehabisan stok Kemudahan rosak Kemudahan tiada di hospital Lain-lain (nyatakan sebab di ruang di bawah)

4. Nama Ubat yang diperakukan

Bil.	Nama Ubat	Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> sama ada ubat ada / tiada ** dalam senarai KKM/ hospital universiti	
		Ada <input type="checkbox"/>	Tiada ** <input type="checkbox"/>
		Ada <input type="checkbox"/>	Tiada ** <input type="checkbox"/>
		Ada <input type="checkbox"/>	Tiada ** <input type="checkbox"/>
		Ada <input type="checkbox"/>	Tiada ** <input type="checkbox"/>
		Ada <input type="checkbox"/>	Tiada ** <input type="checkbox"/>

** Pastikan kelulusan penggunaan ubat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bahagian Perkembangan Perubatan / Pengarah hospital universiti berkenaan di butiran 9,10 dan 11 di bawah

5. Nama Alat / Perkhidmatan / Rawatan yang diperakukan (Gunakan lampiran, jika perlu)

Bil.	Nama Alat <input type="checkbox"/> / Perkhidmatan <input type="checkbox"/> / Rawatan <input type="checkbox"/>

6. Saya memperakukan kemudahan di butiran 4 dan / atau 5 diperlukan oleh pesakit, walau bagaimanapun ianya disahkan tidak dapat dibekalkan / disediakan oleh hospital atas sebab di butiran 3.

8. Tandatangan, Nama dan Cop Pegawai Perubatan & Hospital

7. Tarikh

**

9. Penggunaan ubat yang tiada dalam senarai seperti di butiran 4 adalah diluluskan / tidak diluluskan

10. Tarikh

11. Tandatangan, Nama dan Cop KKM / Pengarah hospital universiti

Nota: * Lihat panduan am di muka sebelah
 [Tandakan dimana berkaitan]

PANDUAN AM BORANG SARAUBAT JPA (PPK)

1. KEGUNAAN BORANG

Borang ini adalah untuk kegunaan **Pegawai Perubatan** hospital/klinik Kerajaan (termasuk hospital-hospital universiti) bagi tujuan memperaku dan mengesahkan keperluan ubat, alat ortopedik dan anggota palsu, perkhidmatan perubatan (MRI/CT Scan) dan rawatan penyakit buah pinggang (Hemodialisis/CAPD) yang tidak dapat dibekal atau disediakan oleh klinik/hospital Kerajaan termasuk hospital-hospital universiti.

2. PEMOHON YANG LAYAK

- 2.1 Anggota/Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen,
- 2.2 Keluarga Anggota/Pesara-
 - i) Suami/isteri
 - ii) Anak-anak -
 - a) di bawah 18 tahun jika ditanggung sepenuhnya;
 - b) di bawah 21 tahun jika masih belajar;
 - c) tiada had umur bagi anak yang daif
- 2.3 Ibu bapa yang sah kepada anggota yang memilih Sistem Saraan Baru (SSB) dan masih berkhidmat (melainkan alat ortopedik dan anggota palsu)

3. PRINSIP PERTIMBANGAN PERBELANJAAN

- 3.1 Pemohon mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan; **dan**
- 3.2 Kemudahan yang diperlukan tidak dapat dibekal atau disediakan oleh hospital/klinik Kerajaan; **dan**
- 3.3 Pegawai Perubatan Kerajaan memperakukan keperluan dan mengesahkan kemudahan perubatan tidak dapat disedia atau dibekal oleh hospital/klinik atas sebab-sebab tertentu; **dan**
- 3.4 Ubat yang dipertimbangkan adalah ubat yang terdapat dalam senarai ubat-ubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hospital universiti berkenaan. Ubat yang tiada dalam senarai berkenaan hanya dipertimbangkan setelah mendapat kelulusan penggunaan ubat daripada Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM (bagi rawatan yang diperolehi di klinik/hospital di bawah KKM) atau Pengarah hospital universiti berkenaan (bagi rawatan yang diperolehi di hospital-hospital universiti); **dan**
- 3.5 Permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan;
- 3.6 Pertimbangan perbelanjaan perubatan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4Tahun 2001

4. KELULUSAN DAN BAYARAN

- 4.1 Permohonan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan dilulus dan dibayar oleh Jabatan masing-masing dan bagi pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen, kelulusan dan bayaran dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen).

BORANG PERMOHONAN PERBELANJAAN RAWATAN KECEMASAN DI HOSPITAL/KLINIK SWASTA *
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001]

1. Butir Diri Anggota / Pesara / PesakitNama Penuh Anggota /Pesara

No. Kad Pengenalan Anggota/Pesara

Baru Lama

Nama Penuh Pesakit (Jika bukan Anggota/Pesara)

No. Kad Pengenalan Pesakit

Baru Lama

Hubungan Pesakit Dengan Anggota/Pesara

Suami Isteri Anak *Jika anak, nyatakan-*

a) Umur

 Tahun Bulan

b) Sama ada-

Masih bersekolah Tidak bersekolah Daif Ibu Bapa *Jika ibu bapa anggota, nyatakan-*

a) Taraf ibu bapa yang sah

Kandung Tiri Angkat

b) Sama ada Anggota-

Memilih SSB Tidak memilih SSB **2. Kelayakan Wad di Hospital Kerajaan**Kelas 1 Bilik Seorang Kelas 1 Bilik Berdua Kelas 1 Bilik Bertiga Kelas 2 Kelas 3 **3. Butir-butir Rawatan Kecemasan**

Nama Hospital / Klinik Swasta

Jenis Rawatan / Kecederaan

Alamat Hospital / Klinik Swasta

Kos Yang Dituntut (Lampirkan bil terperinci / resit)

Rawatan RM Wad RM Lain-lain RM Jumlah dituntut RM

Kelas wad semasa rawatan

Suite Sebilik Seorang Sebilik Dua Orang Sebilik Tiga Orang Sebilik Empat Orang

Tarikh Dimasukkan Ke Hospital

Masa Dimasukkan Ke Hospital

Tarikh dan Masa Pembedahan / Rawatan Kecemasan

Tarikh

Masa

Tarikh Keluar Hospital

Masa Keluar Hospital

Tempoh Rawatan Pemulihan (Selepas ICU / Wad Biasa)

Daripada Tarikh

Hingga Tarikh

Nota: * Lihat panduan am di muka surat 4

 (Tandakan ✓ di mana berkaitan)

4. Kejadian Kecemasan

Tankh

Alamat Semasa Berlaku Kecemasan

Masa

Jarak Dengan Hospital Kerajaan Yang Terdekat

Kilometer

Jarak Dengan Hospital Swasta Yang Diperolehi Rawatan

Kilometer

Orang Yang Membawa Pesakit Ke Hospital dan Hubungan dengan Pesakit

Keadaan Pesakit semasa dibawa ke Hospital (pengsan dsb)

Keadaan persekitaran semasa kejadian (trafik dsb)

5. Justifikasi Permohonan

Sebab Kenapa Tidak Dibawa Pesakit Terus Ke Hospital Kerajaan Yang Terdekat

Alasan Kenapa Anggota/Pesara Tidak Sepatutnya Menanggung Sendiri Perbelanjaan di Klinik/Hospital Swasta selaras dengan Perintah Am 4, Bab F

6. **Kronologi Kes (Urutan Peristiwa Berlaku Kecemasan Sehingga Pesakit Keluar Daripada Hospital Swasta**

Tarikh/Masa	Tempat	Peristiwa

7. **Dokumen Sokongan**

Dokumen berikut disertakan-

Laporan Klinikal Hospita/Klinik Swasta Laporan Polis (kes kemalangan/jenayah) Lain-lain dokumen (jika perlu)
 Bukti bayaran (resit dsb) Salinan Kad Pesara Bil Terperinci

8. **Pengesahan Anggota / Pesara**

Saya mengesahkan bahawa butir permohonan di 1, 2, 3, 4, 5, 6 dan 7 adalah benar. Saya memohon perbelanjaan perubatan sebanyak

RM untuk rawatan di atas.

 Tarikh

 Nama penuh

 Tandatangan

9. **Pengesahan dan Keputusan Ketua Jabatan**

Saya mengesahkan permohonan di atas adalah memenuhi syarat dan kelayakan mengikut Perintah Am Bab F atau Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4/2001. Permohonan sebanyak adalah dilulus / tidak dilulus

 Tarikh

 Nama penuh

 Tandatangan dan cop jabatan

PANDUAN AM BORANG SARAUBAT JPA (RCS)

1. KEGUNAAN BORANG

Borang ini adalah untuk kegunaan anggota/pesara bagi tujuan permohonan perbelanjaan perubatan rawatan **kecemasan** yang diperolehi di hospital/klinik swasta berhampiran dengan tempat kejadian kecemasan

2. PEMOHON YANG LAYAK

- 2.1 Anggota/Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen,
- 2.2 Keluarga Anggota/Pesara-
 - i) Suami/isteri
 - ii) Anak-anak -
 - a) di bawah 18 tahun jika ditanggung sepenuhnya;
 - b) di bawah 21 tahun jika masih belajar;
 - c) tiada had umur bagi anak yang daif
- 2.3 Ibu bapa yang sah kepada anggota yang memilih Sistem Saraan Baru (SSB) dan masih berkhidmat.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Mendapat rawatan di hospital/klinik swasta berdekatan dengan tempat kejadian kecemasan kerana tiada hospital/klinik Kerajaan yang berhampiran; **dan**
- 3.2 Memerlukan rawatan serta merta yang tidak boleh dilengahkan bagi menyelamatkan nyawa pesakit; **dan**
- 3.3 Pesakit dalam keadaan kritikal/tenat semasa dibawa ke hospital/klinik swasta; **dan**
- 3.4 Status kecemasan disahkan oleh Pakar Perubatan hospital swasta yang merawat; **dan**
- 3.5 Permohonan diluluskan oleh Ketua Jabatan;
- 3.6 Pertimbangan perbelanjaan perubatan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001

4. CARA MEMOHON:

- 4.1 Permohonan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RCS) dan dikemukakan berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap kepada Ketua Jabatan masing-masing.
- 4.2 Permohonan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RCS) dan dikemukakan berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen).

BORANG PERMOHONAN PERBELANJAAN RAWATAN KEPAKARAN DI HOSPITAL SWASTA *
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001]

1. Butir Diri Anggota / Pesara / PesakitNama Penuh Anggota /Pesara

No. Kad Pengenalan Anggota/Pesara

Baru Lama

Nama Penuh Pesakit (Jika bukan Anggota/Pesara)

No. Kad Pengenalan Pesakit

Baru Lama

Hubungan Pesakit Dengan Anggota/Pesara

Suami Isteri Anak

Jika anak, nyatakan-

a) Umur

 Tahun Bulan

b) Sama ada-

Masih bersekolah Tidak bersekolah Daif Ibu Baba

Jika ibu bapa anggota, nyatakan-

a) Taraf ibu bapa yang sah

Kandung Tiri Angkat

b) Sama ada Anggota-

Memilih SSB Tidak memilih SSB **2. Butir Rawatan di Hospital Swasta**

Jenis Rawatan Yang Diperlukan

Kos Rawatan di Hospital

Tempat Rawatan (Nama dan Alamat Hospital)

Tarikh Rawatan Dijangka

dari hingga

Kelas Wad

Kadar Caj Wad Sehari

3. Dokumen Sokongan

Dokumen berikut disertakan

Surat Pengesahan Pakar Perubatan Kerajaan Surat Perakuan Ketua Pengarah Kesihatan Surat Sebutharga Salinan Kad Pesara Lain-lain dokumen (jika perlu) **4. Pengesahan Anggota / Pesara**

Saya mengesahkan bahawa butir permohonan di 1, 2 dan 3 adalah benar. Saya memohon perbelanjaan perubatan sebanyak

RM untuk rawatan di atas._____
Tarikh_____
Nama penuh_____
Tandatangan**5. Pengesahan dan Sokongan Ketua Jabatan**Saya mengesahkan permohonan di atas adalah memenuhi syarat dan kelayakan mengikut Perintah Am Bab F atau Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/1993 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 / 2001. Permohonan adalah disokong / tidak disokong _____
Tarikh_____
Nama penuh_____
Tandatangan dan cop jabatan

Nota: * Lihat panduan am di muka sebelah

 (Tandakan ✓ di mana berkaitan)

PANDUAN AM BORANG SARAUBAT JPA (RPS)

1. KEGUNAAN BORANG

Borang ini adalah untuk kegunaan Anggota/Pesara bagi tujuan permohonan perbelanjaan perubatan rawatan kepakaran yang tidak diperolehi di klinik/hospital Kerajaan termasuk hospital-hospital universiti tetapi boleh diperolehi di hospital swasta dalam negeri.

2. PEMOHON YANG LAYAK

- 2.1 Anggota/Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen,
- 2.2 Keluarga Anggota/Pesara-
 - i) Suami/isteri
 - ii) Anak-anak -
 - a) di bawah 18 tahun jika ditanggung sepenuhnya;
 - b) di bawah 21 tahun jika masih belajar;
 - c) tiada had umur bagi anak yang daif
- 2.3 Ibu bapa yang sah kepada anggota yang memilih Sistem Saraan Baru (SSB) dan masih berkhidmat.

3. SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan; **dan**
- 3.2 Pesakit disahkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan memerlukan rawatan kepakaran yang boleh diperolehi di hospital swasta dalam negeri; **dan**
- 3.3 Ketua Pengarah Kesihatan memperakukan bahawa rawatan sedemikian tidak terdapat di hospital Kerajaan; **dan**
- 3.4 Permohonan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Saraan.
- 3.5 Pertimbangan perbelanjaan perubatan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001

4. CARA MEMOHON:

- 4.1 Permohonan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RPS) dan dikemukakan melalui Ketua Jabatan berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan);
- 4.2 Permohonan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RPS) dan dikemukakan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan).

BORANG PERMOHONAN PERBELANJAAN RAWATAN DI LUAR NEGERI *
[Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001]

1. Butir Diri Anggota / Pesara / Pesakit

Nama Penuh Anggota /Pesara

Nama Penuh Pesakit (Jika bukan Anggota/Pesara)

No. Kad Pengenalan Anggota/Pesara

Baru Lama

No. Kad Pengenalan Pesakit

Baru Lama

Hubungan Pesakit Dengan Anggota/Pesara

Suami Isteri Anak

Jika anak, nyatakan-

a) Umur

Tahun Bulan

b) Sama ada -

Masih bersekolah Tidak bersekolah Daif

2. Butir Perbelanjaan Rawatan di Luar Negeri

Jenis Rawatan Yang diperlukan

Tempat Rawatan (Nama dan Alamat hospital)

Kos Rawatan di Hospital (Anggaran)

RM

Kos lain (nyatakan jenis kos, jika ada)

Kos: RM

Tarikh Rawatan Dijangka

dari hingga

Nama Pengiring (Jika diperaku oleh Lembaga Perubatan)

Tambang Kapal Terbang
Pergi dan Balik

RM

Kos Makan Sehari
Seorang

RM

Kos Penginapan
Sehari Seorang

RM

Hubungan Pengiring dengan Anggota/Pesara*

3. Dokumen Sokongan

Dokumen berikut disertakan

Laporan Lembaga Perubatan Surat Perakuan Ketua Pengarah Kesihatan Salinan Kad Pesara Lain-lain dokumen (jika ada)

4. Pengesahan Anggota / Pesara

Saya mengesahkan bahawa butir permohonan di 1, 2 dan 3 adalah benar. Saya memohon perbelanjaan perubatan sebanyak

RM untuk rawatan di atas.

Tarikh

Nama penuh

Tandatangan

5. Pengesahan dan Sokongan Ketua Jabatan

Saya mengesahkan permohonan di atas adalah memenuhi syarat dan kelayakan mengikut Perintah Am Bab F dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001. Permohonan adalah disokong / tidak disokong

Tarikh

Nama penuh

Tandatangan dan cop jabatan

Nota: * Lihat panduan am di muka sebelah (Tandakan ✓ di mana berkaitan)

PANDUAN AM BORANG SARAUBAT JPA (RLN)

1. KEGUNAAN BORANG

Borang ini adalah untuk kegunaan anggota/pesara bagi tujuan permohonan perbelanjaan perubatan rawatan khas yang tidak diperolehi di klinik/hospital Kerajaan termasuk hospital-hospital swasta dalam negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perintah Am 7 Bab F.

2. PEMOHON YANG LAYAK


- 2.1 Anggota/Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen,
- 2.2 Keluarga Anggota/Pesara-
 - i) Suami/isteri
 - ii) Anak-anak -
 - a) di bawah 18 tahun jika ditanggung sepenuhnya;
 - b) di bawah 21 tahun jika masih belajar;
 - c) tiada had umur bagi anak yang daif

3. SYARAT PERMOHONAN


- 3.1 Mendapat rawatan di hospital/klinik Kerajaan; **dan**
- 3.2 Pesakit diperiksa dan disahkan oleh sebuah Lembaga Perubatan memerlukan rawatan khas yang tidak diperolehi dalam negeri; **dan**
- 3.3 Ketua Pengarah Kesihatan memperakukan bahawa rawatan sedemikian tidak terdapat di hospital Kerajaan; **dan**
- 3.4 Permohonan diluluskan oleh Jemaah Pegawai Bagi Rawatan di Luar Negeri.
- 3.5 Pertimbangan perbelanjaan perubatan ini adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001

4. CARA MEMOHON:

- 4.1 Permohonan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RLN) dan dikemukakan melalui Ketua Jabatan berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan);
- 4.2 Permohonan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen hendaklah menggunakan borang SARAUBAT JPA (RLN) dan dikemukakan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) berserta dengan dokumen sokongan yang lengkap ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Saraan).



PANDUAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERUBATAN (PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 4 TAHUN 2001)



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

KANDUNGAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
1.	Panduan Umum	ii -iii
2.	Permohonan Perbelanjaan Ubat - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	1 -2
3.	Permohonan Perbelanjaan Alat Ortopedik Dan Anggota Palsu - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	3 -4
4.	Permohonan Perbelanjaan Perkhidmatan Perubatan - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	5 -6
5.	Permohonan Perbelanjaan Rawatan Penyakit Buah Pinggang (Hemodialisis/CAPD) - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	7- 8
6.	Permohonan Perbelanjaan Rawatan Kemandulan Di Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	9 -10
7.	Permohonan Perbelanjaan Rawatan Kecemasan Di Hospital/Klinik Swasta - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	11 -12
8.	Permohonan Perbelanjaan Rawatan Kepakaran Di Hospital Swasta - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	13 -14
9.	Permohonan Perbelanjaan Rawatan Di Luar Negeri - prinsip dan carta aliran kerja - senarai semak	15 -16
10.	Kemudahan Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. - prinsip dan carta aliran kerja	17
11.	Ringkasan Dokumen Yang Perlu Bagi Permohonan Perbelanjaan Perubatan	18
12.	Format Rekod Kelulusan Perbelanjaan Perubatan	19

PANDUAN UMUM

1. OBJEKTIF

Objektif panduan ini adalah untuk menyediakan kaedah terperinci yang perlu diikuti oleh Ketua Jabatan dalam menimbang permohonan perbelanjaan dan melaksana kemudahan perubatan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001.

2. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkara-perkara berikut-

- a) kelayakan pemohon adalah selaras dengan Perintah Am Bab 'F' (Perubatan) 1974 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993;
- b) tatacara pelaksanaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001 diikuti oleh pemohon;
- c) prinsip bagi setiap jenis permohonan perbelanjaan dan kemudahan perubatan dipenuhi semasa mempertimbangkan permohonan;
- d) maklumat dalam borang permohonan dan dokumen sokongan adalah lengkap;
- e) butir perbelanjaan disokong dengan resit atau inbois atau surat sebutharga;
- f) semua permohonan mengikut borang yang betul dan disertakan dengan dokumen yang berkaitan seperti dinyatakan dalam Ringkasan Dokumen di muka surat 18;
- g) kelulusan diberi bagi permohonan yang mematuhi prinsip dan syarat yang ditetapkan sahaja;
- h) bayaran dibuat mengikut peraturan kewangan semasa setelah mendapat kelulusan;
- i) butir kelulusan perbelanjaan seperti di format di muka surat 19, direkodkan bagi tujuan perancangan, pengawalan dan semakan. Gunakan helaian yang berlainan bagi setiap kategori perbelanjaan seperti berikut-
 - i. perbelanjaan ubat;
 - ii. perbelanjaan alat;

- iii. perbelanjaan perkhidmatan perubatan, rawatan kemandulan dan rawatan penyakit buah pinggang; dan
- iv. perbelanjaan rawatan kepakaran, kecemasan dan luar negeri.

3. HAL-HAL LAIN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

Ketua Jabatan hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut-

- a) merujuk kepada peraturan induk iaitu Perintah Am Bab 'F' (Perubatan) 1974 bagi permohonan untuk anggota/pesara, suami/isteri dan anak atau Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1993 bagi permohonan untuk ibu bapa kepada anggota yang memilih Sistem Saraan Baru;
- b) merujuk kepada borang SARAUBAT JPA (PPK) atau surat pengesahan pakar perubatan bagi langkah dalam carta aliran kerja yang memerlukan semakan perakuan dan pengesahan pegawai perubatan;
- c) merujuk ke Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Bahagian Perkembangan Perubatan, bagi langkah dalam carta aliran kerja yang memerlukan perakuan Ketua Pengarah Kesihatan atau sokongan KKM;
- d) merujuk ke KKM, Bahagian Perkembangan Perubatan jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai ubat, alat, perkhidmatan dan rawatan; dan
- e) merujuk ke KKM, Bahagian Kewangan jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai kemudahan di Institut Jantung Negara Sendirian Berhad.

4. KELULUSAN PERMOHONAN

Permohonan perbelanjaan perubatan anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan hendaklah dikemukakan ke Jabatan masing-masing dan permohonan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen dikemukakan ke JPA, Bahagian Pencen untuk kelulusan kecuali permohonan perbelanjaan rawatan kepakaran di hospital swasta dan rawatan di luar negeri perlu dipanjangkan ke JPA, Bahagian Saraan untuk kelulusan.


- 5. Sebarang pertanyaan berhubung dengan panduan ini bolehlah dikemukakan ke JPA, Bahagian Saraan, Cawangan Elaun dan Kemudahan.

PERMOHONAN PERBELANJAAN UBAT

PRINSIP

1. Perbelanjaan bagi pembelian ubat yang diperaku (*prescribe*) oleh Pegawai Perubatan Kerajaan (PPK) dan disahkan tidak dapat dibekalkan oleh hospital/klinik Kerajaan boleh dipertimbangkan dengan syarat ubat tersebut terdapat di dalam **senarai ubat-ubatan** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan hospital universiti berkenaan.
2. Perbelanjaan bagi pembelian ubat yang tiada dalam kedua-dua senarai berkenaan boleh dipertimbangkan dengan syarat penggunaan ubat mendapat kelulusan daripada **Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM** (bagi rawatan yang diperolehi di Hospital di bawah KKM) atau **Pengarah hospital universiti** berkaitan (bagi rawatan yang diperolehi di hospital-hospital universiti).
3. Makanan tambahan (*food supplement*)/perubatan alternatif tidak boleh diluluskan walaupun dinasihat atau diperaku oleh PPK.

CARTA ALIRAN KERJA



PERMOHONAN PERBELANJAAN UBAT

SENARAI SEMAK


MAKLUMAT PERMOHONAN		✓	DOKUMEN SOKONGAN		✓
1.	Borang SARAUBAT JPA (AM)	<input type="checkbox"/>	2.	Borang SARAUBAT JPA (PPK)	<input type="checkbox"/>
1.1	Butir diri anggota/pesara/pesakit -		(a)	Nama pesakit	<input type="radio"/>
	(a) Nama penuh anggota/pesara	<input type="radio"/>	(b)	No. Kad Pengenalan	<input type="radio"/>
	(b) No. Kad Pengenalan	<input type="radio"/>	(c)	Sebab ubat tidak boleh dibekal	<input type="radio"/>
	(c) Nama pesakit	<input type="radio"/>	(d)	Nama ubat	<input type="radio"/>
	(d) No. Kad Pengenalan	<input type="radio"/>	(e)	Ada/tiada dalam senarai	<input type="radio"/>
1.2	Butir kelayakan anggota -		(f)	Perakuan dan pengesahan PPK -	
	(a) Memilih SSB	<input type="radio"/>		• Tarikh	<input type="radio"/>
	(b) Tidak memilih SSB	<input type="radio"/>		• Tandatangan	<input type="radio"/>
1.3	Butir kelayakan pesakit -			• Nama PPK	<input type="radio"/>
	(a) Suami	<input type="radio"/>		• Cop PPK dan hospital	<input type="radio"/>
	(b) Isteri	<input type="radio"/>	(g)	Kelulusan KKM/Pengarah hospital	
	(c) Anak			universiti bagi ubat di luar senarai -	
	• Umur	<input type="radio"/>		• Tarikh	<input type="radio"/>
	• Masih bersekolah	<input type="radio"/>		• Tandatangan	<input type="radio"/>
	• Tidak bersekolah	<input type="radio"/>		• Nama Pegawai KKM/	<input type="radio"/>
	• Daif	<input type="radio"/>		Hospital universiti	
	(d) Ibu bapa -			• Cop KKM/ hospital universiti	<input type="radio"/>
